



**KENYATAAN SEBUT HARGA  
MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN  
KEDAH DARUL AMAN**

1. Kepada Kontraktor Bumiputera yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Malaysia ( LPIPM/CIDB ) dalam Gred, Kategori dan pengkhususan yang berkaitan yang masih sah laku serta **Berdaftar dengan Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan** serta **beralamat di dalam Daerah Langkawi** sahaja dibenarkan membuat tawaran bagi kerja-kerja berikut:

NO TAWARAN	TAJUK KERJA	SYARAT PENDAFTARAN
<b>MPLBP /SBT/49/2020</b>	<b>CADANGAN KERJA-KERJA PENGINDAHAN LANSKAP DI KAWASAN PELANCONGAN SEKITAR LANGKAWI BAGI TAHUN 2020.</b>  <b>LAWAT TAPAK :</b> <b>TAMAN AWAM PASIR HITAM, AYER HANGAT, LANGKAWI.</b>  <b>TARIKH : 13 OKT. 2020</b>  <b>MASA : 09.30 – 10.00 PAGI (PENDAFTARAN)</b>	<b>GRED : G1 KATEGORI : CE PENGKHUSUSAN : CE14 &amp; CE21</b>  <b>TARIKH TUTUP : 20 OKT. 2020</b>

2. Borang sebut harga boleh didapati dari Jabatan Perbendaharaan ( Kaunter Hasil ) Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan, Kuah Langkawi dengan **harga RM 20.00** mulai **13 OKTOBER 2020** hingga **20 OKTOBER 2020**
3. Borang sebut harga akan dikeluarkan kepada kontraktor yang sah sahaja berdasarkan kepada surat pendaftaran asal yang dikemukakan.
4. Kontraktor yang berminat adalah **DIWAJIBKAN MEMBAWA SIJIL ASAL PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR (CIDB), SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN, SIJIL TARAF BUMIPUTERA, PENDAFTARAN SSM** untuk menghadiri taklimat sebut harga dan seterusnya menyertai satu lawatan tapak bina. Kontraktor dikehendaki melaporkan diri pada **13 OKTOBER 2020** jam **10.00 PAGI** bagi menghadiri taklimat lawatan tapak. **HANYA PEMEGANG LESEN YANG SAH** dan **BERDAFTAR DENGAN MPLBP SAHAJA** berhak hadir dalam lawatan tapak. **WAKIL TIDAK DIBENARKAN.**

5. Semua Borang Sebut Harga mestilah dikemukakan di dalam surat bermetri dan di alamatkan kepada **YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan. Nombor Sebut Harga hendaklah ditulis di bahagian atas sebelah kiri sampul surat.
6. Sebut Harga ini akan ditutup pada **20 OKTOBER 2020** Jam **12.00 TENGAHARI**. Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya pelancongan tidak terikat untuk menerima yang terendah atau sebarang tawaran.
7. Pematuhan ke atas **SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)** yang berkuatkuasa ketika ini adalah wajib di patuhi dan **pemakaian pelitup separuh muka adalah diwajibkan**. Kontraktor yang gagal mematuhi SOP yang ditetapkan tidak akan dibenarkan menyertai sesi lawatan tapak dan sebut harga ini.

Sekian, terima kasih.

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**

**“ KEDAH SEJAHTERA – NIKMAT UNTUK SEMUA ”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(RADZUAN BIN OSMAN.,AMK.,BCK)**

Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Langkawi

Bandaraya Pelancongan